

UNIT
6.6

KESAN PENGLIBATAN DALAM SUKAN


Rujukan Buku Teks (hlm 158 - 167)

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

6.6.1 Membahaskan Kesan Penglibatan Individu dalam Sukan TP2

Nyatakan kesan penglibatan individu dalam sukan.

i-THINK Peta Buih



Aktiviti

PAK-21

Forum

- Murid dibahagikan dalam kumpulan berempat. Setiap kumpulan dikehendaki membahaskan kesan penglibatan individu dalam sukan secara terperinci. Setiap ahli dalam kumpulan akan mengemukakan pandangan dan pendapat masing-masing. Bincangkan di dalam kelas. Guru akan menilai perbincangan tersebut.

6.6.2 Menganalisis Kesan Penyertaan dan Penganjuran Sukan kepada Negara dalam Konteks Sosial, Ekonomi, Politik, dan Patriotisme berdasarkan Satu Contoh Penganjuran Sukan **TP5**

Malaysia dipilih sebagai penganjur Sukan Sea pada tahun 2017. Malaysia disebut-sebut sebagai antara negara yang berjaya menganjurkan temasya itu secara gilang-gemilang. Cuba kamu analisis bagaimana kejayaan penganjuran sukan tersebut memberi kesan yang baik dari konteks sosial, ekonomi, politik, dan patriotisme terhadap negara kita. **KBAT**

Sosial

Ekonomi

Politik

Patriotisme



Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

- Murid boleh berbincang dengan ibu bapa mengenai semangat patriotisme melalui sukan. Bagaimanakah perasaan kita sebagai rakyat Malaysia apabila melihat Jalur Gemilang berkibar di persada antarabangsa?